



Ruj. Kami : KUDR/KACP/A/07/25/0746 (21)
Tarikh : 5 November 2025

APEX Communication Sdn. Bhd.
Level 12, Menara Hap Seng,
Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan.
(u.p.: Puan Mazni Binti Omar)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB
INFRASTUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN
SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA
OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK &
KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN
KELULUSAN IZIN LALU ABD3069 - SEKOLAH JENIS
KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG SOON LEE**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Daerah Kerian dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM 34,700.40 seperti yang dimuatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga: QT-09-0746/25).
ii.	Menjelaskan Fi Permit sebanyak RM 936.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf atas nama Majlis Daerah Kerian.
iii.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 2,000.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf kepada Wang Deposit MDK.
iv.	Salinan permit korekan yang dikeluarkan hendaklah sentiasa berada di tapak pengorekan dan sebarang pertukaran jajaran hendaklah dimaklumkan pada pihak MDK.
v.	Semua kerja-kerja permotongan jalan hendaklah menggunakan <i>diamond cutter</i> sebelum mengorek jalan.
vi.	Kerosakan yang berlaku akibat dari kerja-kerja korekan yang berkaitan seperti bebendul, longkang, <i>scupper drains</i> , bahu jalan dan lain-lain perlu dibaiki atau diganti semula.





Ruj. Kami : KUDR/KACP/A/07/25/0746 (21)
Tarikh : 5 November 2025

PROJEK / KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK & KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU ABD3069 - SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG SOON LEE
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

vii.	Tiada longgokan bahan binaan (cth: pasir, crusher run) di atas jalan yang berturap.
viii.	Turapan semula permukaan jalan yang dikorek dalam tempoh 24 jam, sisa korekan perlu dibuang dari kawasan korekan dan diganti dengan yang baru (pasir, crusher run tebal 300mm).
ix.	Bahan-bahan binaan yang diletakkan di atas bahu jalan hendaklah dikepong dengan papan tanda keselamatan yang mencukupi dan lebihannya dikeluarkan dari bahu jalan setelah siap kerja.
x.	Korekan bahu jalan hendaklah diaraskan sama dengan aras jalan dan ditanam semula rumput rapat-rapat (closed turfing)
xi.	Tidak dibenarkan menebang atau merosakkan akar pokok-pokok tanaman pada bahu jalan.

3. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (indemnity) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (insured), Yang DiPertua Majlis Daerah Kerian serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

4. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Daerah Kerian seperti di lampiran.

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Muhammad Habil Bin Muhammad Razali** di talian **011-2439402** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.





Ruj. Kami : KUDR/KACP/A/07/25/0746 (21)
Tarikh : 5 November 2025

**PROJEK / KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB
INFRASTUKTUR GENTIAN OPTIK BERTAMPAHAN DENGAN
SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA
OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK &
KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN
KELULUSAN IZIN LALU ABD3069 - SEKOLAH JENIS
KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG SOON LEE**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OSA/03032025/Wah/Sofea

salinan kepada:

1. Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kerian,
No. 1 Wisma MDK,
Jalan Padang,
34200 Parit Buntar,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p.: Jabatan Kejuruteraan)

